

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: UPACARA PEMBUKAAN RASMI PEJABAT POS BESAR KUALA LUMPUR

TEMPAT: PEJABAT POS BESAR, KUALA LUMPUR

TARIKH: 29 OCT 1984

MASA:

Yang Berhormat Dato' Leo Moggie,  
Menteri Tenaga, Telekom dan Pos;  
Dif-Dif Kehormat;  
Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya merasa gembira kerana dapat bersama-sama di majlis perasmian bangunan baru Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur ini yang merupakan fasa kedua projek Dayabumi.

2. Sistem perkhidmatan pos, iaitu suatu sistem komunikasi yang tertua di dunia, adalah satu bentuk infrastruktur sosial yang penting. Ia mempermudah hubungan antara penduduk, sama ada dalam negeri mahupun dengan dunia luar.

3. Peranan perkhidmatan pos dalam dunia moden amatlah penting walaupun berbagai cara hubungan lain telah dicipta. Sistem pos kita mempunyai satu rangkaian yang termasuk pejabat pos, pejabat pos bergerak dan wakil-wakil pos yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan mel dan kiriman wang. Selain daripada itu sistem pos kita juga menyediakan berbagai jenis perkhidmatan agensi bagi pihak jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun dengan tujuan memperbaiki perkhidmatan dan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan bagi rakyat.

4. Perkhidmatan Pos negara ini telah berkembang dengan pesatnya semenjak merdeka. Pada tahun 1957, jumlah mel yang diposkan oleh setiap orang penduduk ialah 13 benda pos, sedangkan pada tahun 1983, ianya meningkat kepada 51 benda pos bagi setiap orang penduduk. Rangkaian pos dan kemudahan-kemudahan pos yang lain telah diperluaskan secara susulan untuk menampung pertambahan pesat dalam terafik pos. Pada tahun 1957, kita mempunyai 201 buah pejabat pos, 3 buah pejabat pos bergerak dan 238 perwakilan pos, sedangkan pada masa kini kita mempunyai 517 buah pejabat pos, 234 buah pejabat pos bergerak dan 1,568 perwakilan pos. Kita sekarang telah tiba ke satu peringkat di mana faktor pertambahan bilangan kakitangan, bilangan pertubuhan pos dan sumber-sumber lain seperti jumlah kenderaan bermotor, tidak lagi menjadi asas mutlak bagi mengatasi masalah pertumbuhan dalam keperluan perkhidmatan pos. Perkembangan secara kualitatif sangatlah perlu untuk menampung perkembangan masa hadapannya iaitu dengan pengendalian secara lebih pantas dan cekap dalam urusan-urusan mel serta urusanniaga-urusanniaga kaunter, selaras dengan perkembangan negara yang giat

membangun.

5. Dengan itu, langkah yang perlu dalam pemodenan perkhidmatan pos ialah dengan mengambil kesempatan daripada kemajuan-kemajuan yang terbaru dalam teknologi pos. Corak perkhidmatan pos dahulu terpaksa bergantung sepenuhnya kepada operasi secara manual dan tidak terdapat skop bagi memajukan teknologi 'intermediate' seperti usaha-usaha kemanusiaan dalam bidang-bidang yang lain. Tetapi dengan kedatangan era komputer, perkhidmatan pos sekarang berupaya untuk melangkah ke arah teknologi yang sofistikated dan alat elektronik yang moden boleh didapati sekarang dalam banyak tahap kerja-kerja memproses mel serta juga operasi kaunter.

6. Perkhidmatan Pos kita juga harus mengambil inisiatif dalam memperkenalkan secara progresif mekanisasi yang sofistikated yang akan memperbaiki kepantasan dan kecekapan secara menyeluruh dalam kerja-kerja pengendalian mel dan operasi kaunter. Ia juga akan memperbaiki keadaan bekerja kakitangan berkenaan dan meninggikan lagi imej perkhidmatan pos. Saya difahamkan bahawa komputer telah diperkenalkan di Ibu Pejabat Pos dalam banyak urusan kerja-kerja perakaunan. Sistem pengangkut berantai bagi pergerakan mel telahpun beroperasi dalam bangunan ini. Mesin-mesin pengeluaran resit yang berbentuk komputer kecil bagi sistem bayaran bil setempat dan mesin faksimile untuk perkhidmatan 'intelpost' telahpun diperkenalkan di kebanyakan Pejabat Pos.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Dengan meningkatnya bilangan perkhidmatan agensi iaitu sebanyak 54 buah sekarang, dan pertambahan perkhidmatan agensi seperti ini pada masa akan datang, maka mekanisasi bagi perkhidmatan kaunter sudah pasti akan meningkatkan kecekapan serta kepantasan perkhidmatan yang diberikan. Ianya juga akan meningkatkan lagi daya pengeluaran kakitangan dan mengurangkan keperluan ruang di Pejabat-pejabat Pos. Di samping itu, peningkatan yang pesat dalam aktiviti kaunter, yang melibatkan berbagai pengurusan wang tunai, memaksa kita memperkenalkan satu sistem bersepadu untuk menampung semua urusan kaunter.

8. Satu cara bagi menyelesaikannya ialah dengan memperkenalkan urusan tanpa wang tunai atau 'cashless transaction' di pejabat-pejabat pos menerusi sistem giro. Perkhidmatan giro sudah lama digunakan di negara-negara maju. Dengan bantuan alat komputer skopnya telah diperluaskan. Malahan, pemegang-pemegang akaun giro tidak perlu ke Pejabat Pos. Mereka boleh mengepos bil-bil mereka dengan memberi surat kebenaran kepada pusat giro untuk menguruskan transaksi di pusat itu sendiri. Kajian 'feasibility' mengenai penggunaan perkhidmatan giro melalui Pejabat Pos harus dijalankan secepat mungkin.

9. Walaupun pengenalan kepada perkhidmatan yang moden harus mengambil tempat, kita tidak boleh melupakan bahawa segala alat teknologi yang digunakan adalah semata-mata

bantuan kepada kakitangan berkenaan untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih cekap dan sempurna. Akan tetapi, perkhidmatan pos akan dinilai akhirnya berasaskan kepada mutu perkhidmatan yang mampu diberikan kepada masyarakat berdasarkan kepada teknologi semasa yang sedia ada dan ekspektasi rakyat. Kualiti perkhidmatan banyak bergantung kepada sikap kakitangan terhadap tanggungjawab mereka. Betapa sofistikated sekalipun teknologi yang ada, tetapi jika kakitangan yang menjalankan tugas tidak mempunyai sikap yang betul terhadap tanggungjawab mereka, maka tidak syak lagi bahawa segala usaha memperkenalkan teknologi maju akan menjadi sia-sia. Di dalam beberapa perkara, perkhidmatan yang diberikan oleh rangkaian pos adalah merupakan hubungan rakyat yang paling rapat sekali dengan jentera kerajaan. Pandangan rakyat terhadap konsep 'Bersih, Cekap dan Amanah' yang ditekankan oleh Kerajaan adalah dipengaruhi oleh pengalaman mereka semasa berurusan dengan kakitangan Kerajaan, seperti posmen ataupun kerani-kerani kaunter pos. Di dalam perkhidmatan pos, unsur-unsur kemanusiaan akan terus menjadi tumpuan kepada operasinya. Kualiti perkhidmatan pos adalah bergantung kepada kecekapan serta tingkah-laku setiap kakitangannya. Masyarakat amnya mengharapkan keadaan ini. Sebaliknya pula, kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos hendaklah berbangga dengan kualiti dan tugas serta tanggungjawab masing-masing.

10. Berbalik kita kepada majlis pembukaan bangunan Pejabat Pos Besar yang indah ini, ianya merupakan satu penggantian yang cemerlang bagi bangunan Pejabat Pos Besar lama. Sungguhpun projek ini telah dirancang untuk menampung keperluan-keperluan Bandaraya Kuala Lumpur sehingga tahun 2000, tetapi saya telah juga difahamkan bahawa pertumbuhan mel kita telah meningkat begitu cepat hingga menyebabkan ia telah melampaui anggaran yang dibuat oleh pakar-pakar perunding. Akan tetapi, dengan menggunakan sistem mekanisasi dalam kerja-kerja memproses mel dan operasi kaunter, keluasan ruang yang ada sekarang akan berupaya menampung keperluan-keperluan kita sehingga tahun 2000. Alat kelengkapan mekanisasi yang telah dipasang itu menjadikan Pejabat Pos ini yang termoden sekali dirantau ini. Kita berharap semoga ianya akan menjadi satu sumber kebanggaan dan inspirasi kepada sekalian kakitangan supaya bekerja bersungguh-sungguh untuk memberi perkhidmatan yang efisien.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya membuka bangunan Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur ini dengan rasminya.